

19 JUN 2001

Musa-Afghanistan

AFGHANISTAN MINTA PELAJARNYA DIBENAR BEKERJA SAMBIL BELAJAR

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Pemangku Menteri Luar Afghanistan Dr A. Abdullah berharap kerajaan Malaysia memberi peluang kepada para pelajarnya di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) bekerja sementara sambil meneruskan pengajian.

Beliau menyatakan perkara itu pada pertemuannya dengan Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamed di Kementerian Pendidikan di sini hari ini.

Musa memberitahu Bernama bahawa Dr Abdullah membuat permintaan itu supaya pelajar negara itu dapat menggunakan pendapatan yang di terima itu untuk pembayaran kos pengajian mereka di UIAM.

Menurutnya, Abdullah berkata kebanyakan daripada pelajar yang sedang meneruskan pengajian di peringkat ijazah pertama datang dari keluarga yang tidak berada dan ditambah pula dengan keadaan ekonomi di negara itu yang agak mundur kesan daripada peperangan saudara yang berlanjutan.

Setakat ini terdapat seramai 41 orang pelajar dari Afghanistan yang sedang menuntut di UIAM dalam pelbagai jurusan di bawah pembiayaan negara itu.

Musa berkata beliau tidak memberikan apa-apa komitmen.

"Saya cuma berjanji akan membincangkan perkara ini dengan Jabatan Imigresen dan juga Kementerian Dalam Negeri (KDN)," katanya.

Menurut beliau, ia adalah di luar bidang kuasa kementerian dan ia perlu dirujuk kepada Jabatan Imigresen dan KDN kerana mereka adalah agensi yang bertanggungjawab dalam hal permit kerja dan lain-lain perkara berkaitan.

Dr Abdullah yang tiba di sini Ahad lalu adalah dalam rangka lawatan tiga hari ke negara ini bersama dua lagi pegawai untuk menjelaskan keadaan negara itu akibat kesan peperangan yang berlanjutan.

Menurut Musa, Malaysia sedia menerima lebih ramai pelajar dari negara berkenaan untuk melanjutkan pelajaran di sini dan bukan sahaja di UIAM tetapi juga di universiti tempatan yang lain, termasuk juga Institusi Pengajian Tinggi Swasta.

"Mana-mana pelajar yang mempunyai kelayakan yang sesuai, kita juga galakkan mereka untuk mengikuti kursus-kursus di peringkat ijazah lanjutan iaitu ijazah sarjana dan doktor falsafah (Phd)," katanya.

Ia adalah peluang kepada pelajar dari negara itu untuk meneruskan pengajian mereka di peringkat tertinggi, katanya.

"Bagi kita itu juga satu peluang untuk menggunakan tenaga pelajar-pelajar ini dalam bidang penyelidikan yang kini sedang kita bangunkan," katanya.

Katanya, penampilan lebih ramai pelajar ijazah peringkat tertinggi adalah selaras dengan hasrat kerajaan mewujudkan universiti penyelidikan di universiti tempatan sedia ada.

Penyusunan semula beberapa universiti tempatan sebagai universiti penyelidikan diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) April lalu.

-- BERNAMA

FA ES RI